

IMPLIKASI QIRĀ'ĀT IBN KATHĪR DAN 'ĀṢIM DALAM PENGISTINBATAN FIQH MADHĤAB AL-SHĀFI'Ī: KAJIAN TERHADAP AYAT WUḌŪ'

IMPLICATIONS OF QIRĀ'ĀT IBN KATHĪR AND 'ĀṢIM IN THE DECISION-MAKING PROCESSES BASED ON EXISTING AL-QUR'ĀN EVIDENCE (ISTINBĀṬ) IN FIQH MADHĤAB AL-SHĀFI'Ī: STUDY OF THE VERSE WUḌŪ'

Hajah Siti Jariah @ Hajah Aleya Fatehah Haji Japar ¹
Nurol Huda PDSMDSU Haji Ismail (PhD)²
Ahmad Baha' Mokhtar (PhD)³

¹ Pusat Penyelidikan madhhab al-Shāfi'ī, Universiti Islam Sultan Syarif Ali (UNISSA), Brunei Darussalam, (Email: aleeya239@gmail.com)

² Pusat Penyelidikan madhhab al-Shāfi'ī, Universiti Islam Sultan Syarif Ali (UNISSA), Brunei Darussalam, (Email: nurolhuda.hajiismail@unissa.edu.bn)

³ Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Syarif Ali (UNISSA), Brunei Darussalam, (Email: baha.mokhtar@unissa.edu.bn)

Accepted date: 25 November 2018

Published date: 14 April 2019

To cite this document: Aleya Fatehah, Nurol Huda & Ahmad Baha' (2019). Implikasi Qirā'āt Ibn Kathīr Dan 'āṣim Dalam Pengistinbatan Fiqh Madhhab Al-Shāfi'ī: Kajian Terhadap Ayat WuḌū', *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 4(19), 176-191.

Abstrak: *Kepelbagaian qirā'āt dalam al-Qur'ān didapati telah memberi kesan kepada kepelbagaian hukum. Walau bagaimanapun, dalam kitab-kitab fiqh para imam madhhab khususnya madhhab al-Shāfi'ī tidak ditemui penjelasan secara terperinci kaedah atau manhaj yang digunakan dalam pengambilan qirā'āt sebagai hujah serta implikasinya kepada hukum yang dibina dalam madhhab masing-masing. Justeru, kajian ini akan menyingkap sejauhmana qirā'āt Ibn Kathīr yang merupakan qirā'āt Imam al-Shāfi'ī dalam pembacaan al-Qur'ān berperanan dalam pengistinbatan fiqh madhhab al-Shāfi'ī. Kajian ini juga adalah untuk mengetahui implikasi qirā'āt Ibn Kathīr dan 'Āṣim dalam pembinaan hukum fiqh madhhab al-Shāfi'ī dengan penumpuan kajian terhadap ayat wuḌū'. Metodologi kajian adalah berbentuk kajian kepustakaan di mana segala maklumat dan data hanya diperolehi dari perpustakaan. Data diproses secara kualitatif mengikut tema-tema khusus berdasarkan ilmu qirā'āt dan dikemukakan secara deskriptif. Hasil kajian mendapati bahawa qirā'āt menjadi salah satu metod pengistinbatan hukum fiqh dalam madhhab al-Shāfi'ī. Dalam permasalahan ayat wuḌū', Imam al-Shāfi'ī tidak hanya terikat dengan qirā'āt Ibn Kathīr, bahkan beliau turut mengambil kira qirā'āt yang lain dalam pengistinbatan hukum.*

Kata Kunci: *Qirā'āt, al-Shāfi'ī, Ibn Kathīr, 'Āṣim, WuḌū'*

Abstract: *The diversity of qirā'āt in al-Qur'ān is found to have affected the diversity of the law. However, in the books of the fiqh of the madhhabs, especially the madhhab al-Shāfi'ī, there is no explanation of the method or manhaj used in the recitation of qirā'āt as an argument and its implication on the law built in their respective sects. Thus, this study will reveal the extent to which qirā'āt Ibn Kathīr is the qirā'āt of Imam al-Shāfi'ī in the recital of al-Qur'ān in the role of fiqh madhhab al-Shāfi'ī. The study is also to know the implications of qirā'āt Ibn Kathīr and 'Āṣim in the construction of fiqh law madhhab al-Shāfi'ī with the focus of study on wuḍū' verse. The research methodology is a library study where information and data are only obtained from the library. The data is processed qualitatively according to special themes based on knowledge of qirā'āt and is presented descriptively. The findings show that qirā'āt is one of the methods of fiqh law in madhhab al-Shāfi'ī. In the case of wuḍū' verse, Imam al-Shāfi'ī is not only tied to qirā'āt Ibn Kathīr, but he also takes other qirā'āt in law enforcement.*

Keywords: *Qirā'āt, al-Shāfi'ī, Ibn Kathīr, 'Āṣim, Wuḍū'*

Pengenalan

Qirā'āt adalah satu ilmu yang membincangkan tentang kaedah melafazkan kalimah-kalimah al-Qur'ān dan ia diturunkan seiring dengan penurunan al-Qur'ān. Perkara ini dibuktikan dalam ḥadīth-ḥadīth Nabī ṣallallāhu 'alayhi wa sallam yang menjelaskan tentang penurunan al-Qur'ān dengan tujuh huruf. Pengertian tujuh huruf menurut pendapat Abū Ḥātim al-Sajistānī adalah tujuh bahasa atau lajnah, iaitu bahasa Quraysh, Hudzayl, Tamīm, al-Azd, Rabī'ah, Hawāzin, dan Sa'd bin Bakr. Menurut pendapat yang lain pula, bahasa al-Qur'ān tidak lari dari tujuh bahasa yang menjadi bahasa fasih orang-orang Arab iaitu Quraysh, Hudzayl, Thaqīf, Hawāzin, Kinānah, Tamīm dan Yaman.¹ Menurut fakta yang ditemui, tidak ada satu pendapat yang dapat memastikan pengertian sebenar tujuh huruf tersebut. Perbincangan 'ulamā' tentang pengertian tujuh huruf tersebut telah mencetuskan pelbagai pendapat sehingga ada yang mengatakan pengertian tujuh huruf ialah qirā'āt sab'ah (qirā'āt tujuh orang imam) yang disusun oleh Ibn Mujāhid dalam kitab al-Sab'ah Fi al-Qirā'āt. Namun, pendapat yang mengatakan pengertian tujuh huruf ialah qirā'āt sab'ah adalah tidak tepat. Ini dinyatakan sendiri oleh Ibn al-Jazarī, beliau berkata: "Tidak boleh dikatakan yang dimaksudkan tujuh huruf adalah tujuh qirā'āt yang telah masyhur itu, walaupun sebahagian orang menyangka demikian. Ini adalah kerana para imam yang tujuh itu belum lahir dan belum ada pada ketika itu."² Penjelasan Ibn al-Jazarī ini memberikan satu kesimpulan bahawa pengertian tujuh huruf tidak ada kaitan langsung dengan qirā'āt tujuh yang dinisbahkan kepada tujuh orang imam yang masyhur. Qirā'āt sab'ah merupakan qirā'āt pilihan tujuh orang imam yang masyhur yang telah memilih qirā'āt yang paling baik menurut mereka dari pelbagai qirā'āt yang diriwayatkan daripada Rasūlullāh ṣallallāhu 'alayhi wasallam atau para ṣahābat Baginda serta mereka konsisten membaca dan mengajarkannya sehingga qirā'āt tersebut dinisbahkan kepada mereka seperti qirā'āt Nāfi', Ibn Kathīr, 'Āṣim dan sebagainya.

Qirā'āt bukan sahaja merupakan sebuah ilmu yang membicarakan tentang kaedah atau tatacara melafazkan kalimah-kalimah al-Qur'ān. Bahkan ia juga mempunyai peranan dalam bidang-bidang ilmu yang lain seperti tafsir, fiqh, lughah dan sebagainya. 'Ulamā'-'ulamā' terdahulu meletakkan qirā'āt setanding dengan ilmu-ilmu yang lain kerana menyedari peranannya yang sangat besar sebagai salah satu mekanisme untuk memahami dan menafsirkan makna kalimah-

(¹) Mannā' Qattān. (1996). *Mabāḥiṭh Fī al-'Ulūm al-Qur'ān*. Riyadh: Maktabat al-Ma'ārif. H.158-159

(²) Ibn al-Jazarī, Abu al-Khayr Muḥammad bin Muḥammad al-Dimashqī. (t.t). *Al-Nashr Fī al-Qirā'āt al-'Ashr*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah. H. 24

kalimah al-Qur'an. Dalam erti kata lain, kepelbagaian wajah qirā'āt memberikan pelbagai makna dan menghasilkan pelbagai hukum. Ini juga menjadi satu indikasi bahawa adalah sangat penting bagi seorang mufassir dan mujtahid menguasai ilmu qirā'āt.

Selain itu, kehebatan ilmu ini juga dapat dilihat melalui pengiktirafan para 'ulamā' khususnya imam-imam madhhab terhadap keilmuan dan ketokohan para qurrā' yang telah meriwayatkan qirā'āt dengan cukup berhati-hati dari zaman Rasūlullāh ṣallallāhu 'alayhi wasallam sehingga ke hari ini. Imam Abū Ḥanīfah, Sufyān al-Thawrī dan Yaḥyā bin Ādam pernah memberi kata-kata pujian kepada Imam Ḥamzah dengan berkata: "Ḥamzah telah mengatasi para 'ulamā' yang lain dengan al-Qur'an dan Farā'id.³ Ḥamzah merupakan salah seorang tokoh qirā'āt yang disegani di Kūfah. Begitu juga Imam Mālik pernah memberikan kata-kata pujian kepada Nāfi'. Sa'īd bin Manṣūr berkata: "Aku pernah mendengar Mālik bin Anas berkata: "Qirā'āt penduduk Madinah adalah sunnah." Ada orang bertanya: "Adakah yang dimaksudkan qirā'āt Nāfi'?" Beliau menjawab: Ya."⁴ Imam al-Shāfi'ī turut memberikan kata-kata pujian kepada guru beliau dengan berkata: "Qirā'āt kami ialah qirā'āt Ibn Kathīr dan aku mendapati qirā'āt Ibn Kathīr merupakan qirā'āt penduduk Makkah. Barangsiapa yang menghendaki kesempurnaan hendaklah dia membaca dengan qirā'āt Ibn Kathīr dan barangsiapa yang menghendaki sunnah maka bacalah dengan qirā'āt Nāfi'."⁵

Pengiktirafan melalui kata-kata pujian yang diberikan, menggambarkan kecenderungan para imam madhhab menjadikan qirā'āt pilihan mereka sebagai amalan dan pegangan dalam pembacaan al-Qur'an dan pengistinbatan hukum. Pada lazimnya, pemilihan qirā'āt adalah berdasarkan faktor kemasyhuran sesebuah qirā'āt dalam sesuatu wilayah. Qirā'āt 'Āṣim contohnya merupakan qirā'āt yang dipilih oleh Imam Abū Ḥanīfah dalam pembacaan al-Qur'an.⁶ Sejarah mencatatkan bahawa wilayah Kūfah merupakan tempat kelahiran Imam Abū Ḥanīfah dan dicatatkan juga bahawa salah satu masjid di Kūfah merupakan tempat Imam Abū Ḥanīfah mengikuti pengajian yang dijalankan oleh para 'ulamā' pada ketika itu sehinggalah beliau dilantik menjadi guru menggantikan gurunya yang telah wafat.⁷ Qirā'āt yang masyhur dalam kalangan masyarakat Islam Kūfah ketika itu ialah qirā'āt 'Āṣim, Ḥamzah dan al-Kisā'ī. Al-Dhahabī merekodkan bahawa 'Āṣim, Ḥamzah dan al-Kisā'ī merupakan tiga tokoh besar dalam bidang qirā'āt di Kūfah.⁸

Imam Mālik pula membaca al-Qur'an dengan memilih qirā'āt Nāfi'.⁹ Umum mengetahui bahawa Imam Mālik merupakan seorang 'ulamā' fiqh yang sangat terkenal di Madīnah iaitu tempat yang sama qirā'āt Nāfi' berkembang dan masyhur sehingga disebut sebagai qirā'āt ahli

(³) Ibn al-Bādhish, Abū Ja'far Aḥmad bin 'Alī bin Aḥmad bin Khalaf al-Anṣārī. (1403H). *Al-Iqnā' Fi al-Qirā'āt al-Sab'a*. Damsyik. Dār al-Fikr. H. 55

(⁴) 'Abd al-Fattāḥ al-Qāḍī. (2002). *Tarīkh al-Qurrā' al-Asharah*. Kaherah: Maktabah al-Azhariyyah Li al-Turāth. H. 13

(⁵) Al-Hudhalī, Abu al-Qāsim Yūsuf bin 'Alī bin Jabbārah bin 'Uqayl al-Hudhalī. (2007). *al-Kāmil Fi al-Qirā'āt wa al-Arba'īn al-Zā'idah 'Alayhā*. t.tp: t.np. H. 54-55

(⁶) Nabīl bin Muḥammad bin Ibrāhīm. (2000). 'Ilm al-Qirā'āt Nash'atuhu Aṭwāruhu Atharuhu Fi al-'Ulūm al-Shar'iyah. Riyadh: Maktabah al-Tawbah. H. 367-368

(⁷) 'Abd al-Raḥman al-Sharqawī. (2000). *Riwayat Sembilan Imam Fiqih*. Pent. H.M.H al-Hamid al-Husaini. Indonesia: Pustaka Hidayah. H. 238

(⁸) Al-Dhahabī, Sham al-Dīn Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad bin 'Uthmān al-Dhahabī. (1995). *Ma'rifah al-Qurrā' al-Kibār 'Alā al-Ṭabaqāt Wa al-A'sār*. Peny. Dr.Ṭayyar Ālatī Qūlāj. Istanbul: Markaz al-Buhūth al-Islāmiyyah. H.204

(⁹) Ibn Bādhish. (1403H). *Al-Iqnā' Fi al-Qirā'āt al-Sab'a*. Op.cit. H. 55

Madīnah.¹⁰ Manakala Imam al-Shāfi‘ī pula telah memilih qirā’āt Ibn Kathīr dalam pembacaan al-Qur’ān.¹¹ Ibn Kathīr sangat dikenali sebagai seorang tokoh besar dalam bidang qirā’āt di Mekah dan qirā’āt Ibn Kathīr merupakan qirā’āt penduduk Mekah ketika itu.¹² Direkodkan oleh al-Rāzī dalam *Manāqib al-Imām al-Shāfi‘ī* bahawa Imam al-Shāfi‘ī mula belajar di kota Mekah ketika beliau berumur sepuluh tahun. Hārmalah dalam satu riwāyat menceritakan bahawa Imam al-Shāfi‘ī pernah membacakan al-Qur’ān kepada kaum muslimin di Masjid al-Ḥaram ketika beliau berumur tiga belas tahun.¹³ Menurut Imam Aḥmad bin Ḥanbal, qirā’āt Abū ‘Amrū adalah lebih beliau sukai kerana ia merupakan qirā’āt orang-orang Quraysh dan qirā’āt orang-orang fāsiḥ.¹⁴

Memang, jika dilihat kepada tajuk yang diangkat dalam kertas kerja ini agak bersifat klasik, namun masih tetap segar dan menarik untuk dikaji. Kajian ini bertitik tolak dari dapatan awal mengenai pendapat Imam al-Shāfi‘ī ketika membahaskan tentang kata akar bagi kalimah al-Qur’ān. Imam al-Shāfi‘ī berkata: “Ismā‘īl berkata: “al-Qur’ān adalah sebuah nama,” lalu beliau (Ismā‘īl) berkata lagi, “al-Qur’ān tidak diambil dari kata dasar “qara’tu” kerana jika diambil dari kata dasar tersebut bererti setiap apa yang dibaca akan dinamakan dengan al-Qur’ān. Sedangkan al-Qur’ān adalah sebuah nama sebagaimana Injīl dan Tawrāt.”¹⁵ Hujjah Imam al-Shāfi‘ī ini didapati berpaksikan qirā’āt Ibn Kathīr. Justeru, kajian ini akan berlatar belakangkan persoalan apakah qirā’āt Imam al-Shāfi‘ī yang membaca dengan qirā’āt Ibn Kathīr menjadi asas utama dalam pengistinbatan hukum dalam madhhab beliau? Apakah Imam al-Shāfi‘ī akan mengambil kira juga qirā’āt-qirā’āt mutawātir yang lain dalam pengeluaran hukum. Penulis melihat kajian ini sangat penting bagi mengetahui sejauhmana qirā’āt Imam al-Shāfi‘ī iaitu qirā’āt Ibn Kathīr berperanan dalam pengistinbatan fiqh madhhab al-Shāfi‘ī.

Definisi Qirā’āt

Dari sudut etimologi, perkataan qirā’āt merupakan jama‘ dari qirā’ah yang berasal dari kata dasar qara’a, melalui kata dasar tersebut lahir kata al-Qur’ān dan al-Qirā’āh.¹⁶ Kedua-dua kata tersebut mempunyai dua makna iaitu yang pertama: al-Jam‘u wa al-Ḍammu (menghimpun dan menggabungkan) iaitu menghimpun dan menggabungkan kisah-kisah, hukum-hakam, ayat-ayat serta surah-surah. Kedua: al-Tilāwah (membaca) iaitu mengucapkan kalimat-kalimat yang tertulis. Tilāwah disebut juga qirā’ah kerana suara-suara huruf digabungkan menjadi satu dalam pikiran untuk membentuk kalimat-kalimat yang akan diucapkan.¹⁷

Dari sudut terminologi pula, para ‘ulamā’ berbeza pandangan dalam mendefinisikan maksud qirā’āt. Menurut Ibn al-Jazarī, qirā’āt merupakan sebuah disiplin ilmu yang membincangkan

(¹⁰) ‘Abd al-Raḥman al-Sharqawī. (2000). *Riwayat Sembilan Imam Fiqih*. Op.cit. H. 269

(¹¹) Al-Hudhalī. (2007). *al-Kāmil Fi al-Qirā’āt wa al-Arba‘in al-Zā’idah ‘Alayhā*. Op.cit. H. 54-55

(¹²) Abū Zur‘ah, ‘Abd al-Raḥman bin Muḥammad bin Zanjalah. (2001). *Hujjah al-Qirā’āt*. Beirut: Mu’assasah al-Risālah. H. 53

(¹³) Al-Rāzī, Fakhr al-Dīn al-Rāzī. (2015). *Manāqib al-Imām al-Shāfi‘ī*. Pent. Andi Muhammad Syahril. Jakarta: Pustaka al-Kautsar. H. 24 dan 119

(¹⁴) Abū Shāmah, ‘Abd Raḥman bin Ismā‘īl bin Ibrāhīm. (t.t). *Ibrāz al-Ma‘ānī Min Ḥirz al-Amānī*. t.t.p: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah. H. 7

(¹⁵) Al-Rāzī. (2015). *Manāqib al-Imām al-Shāfi‘ī*. Op.cit. H. 119

(¹⁶) Al-Fayrūz Ābādī, Majduddīn Muḥammad bin Ya‘qūb al-Fayrūz Ābādī. (t.t). *Al-Qāmūs al-Muḥīṭ*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah. H. 77; Ibrāhīm Anīs dan ‘Abd al-Ḥalīm Muntaṣar. (t.t). *Al-Mu‘jam al-Wasīṭ*. Cet. Ke-2. t.tp: t.np. H.722; Manna‘ Qaṭṭān (1996). *Mabāḥiṭh Fī al-‘Ulūm al-Qur’ān*. Op.cit. H.15

(¹⁷) Abū al-Ḥasan Aḥmad bin Fāris bin Zakariyā. (1994). *Mu‘jam Maqāyīs al-Lughah*. Beirut: Dār al-Fikr. H.853; Ibn Manzūr, Abū al-Faḍl Jamāl al-Dīn Muḥammad bin Mukram bin Manzūr. (2000). *Lisān al-‘Arab*. Beirut: Dār Ṣādir. Jil.12. H.50; Abū Bakr al-Rāzī. (1997). *Īdāḥ Mukhtār al-Ṣaḥāḥ*. Damsyik: Dār al-Bashā‘ir. H.347

mengenai kaedah atau tatacara melafazkan kalimah-kalimah al-Qur’ān dan perbezaan lafaz kalimah tersebut dinisbahkan ke atas orang yang meriwayatkan. Ibn al-Jazarī juga menerangkan maksud al-muqri’ iaitu orang yang mahir tentang qirā’āt dan meriwayatkannya kepada orang lain secara lisan.¹⁸ Melalui penjelasan ini, kita dapat fahami bahawa qirā’āt adalah sesuatu ilmu yang diriwayatkan dan disampaikan secara lisan dan melalui pendengaran. Menurut Al-Zarkashī dalam al-Burhān menjelaskan pengertian qirā’āt ialah perbezaan beberapa lafaz wahyu al-Qur’ān dalam penulisan huruf atau dalam kaedah melafazkan, baik secara takhfīf (membaca tanpa sabdu), tathqīl (membaca dengan sabdu) dan sebagainya.¹⁹

Sementara al-Zarqānī pula berpendapat qirā’āt ialah satu madhhab yang dipilih oleh salah seorang imam qurrā’ yang mempunyai persamaan dan perbezaan antara satu sama lain, sama ada persamaan dari segi riwāyah²⁰ dan ṭarīq²¹ atau perbezaan dari segi pembacaan dan keadaannya.²² Menurut al-Qaṣṭalānī, qirā’āt adalah satu ilmu yang membincangkan mengenai perkara-perkara yang disepakati oleh ‘ulamā’ dan yang diperselisihkan di dalam al-Qur’ān yang berkaitan dengan persoalan lughah, i’rāb²³, hadhf²⁴, ithbāt²⁵, faṣl²⁶, waṣl²⁷ dan sebagainya yang kesemuanya diperolehi melalui periwayatan.²⁸ Manakala Mannā’ al-Qaṭṭān pula memberikan pengertian qirā’āt yang hampir menyamai dengan pendapat yang dikemukakan oleh al-Zarqānī sebelum ini iaitu salah satu madhhab pengucapan al-Qur’ān yang dipilih oleh salah seorang imam qirā’āt yang berbeza dengan yang lainnya.²⁹ Al-Suyūṭī berpendapat bahawa qirā’āt ialah perbezaan yang berlaku dalam kalangan imam-imam qurrā’ yang tujuh atau sepuluh atau selain daripadanya dan persepakatan pada ṭurūq bacaan dan riwayatnya.³⁰

(18) Ibn al-Jazarī, Abū al-Khayr Sham al-Dīn Muḥammad bin Muḥammad bin Muḥammad bin ‘Alī bin Yūsūf al-Jazarī. (1980). *Munjid al-Muqri’ in wa Murshid al-Ṭālibīn*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah. H.3

(19) Al-Zarkashī, Badruddīn Muḥammad bin ‘Abdillāh al-Zarkashī. (2001). *Al-Burhān Fī ‘Ulūm al-Qur’ān*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah. H.395

(20) Riwāyah bermaksud setiap bacaan qirā’āt yang dinisbahkan kepada perawi yang mengambil bacaan qirā’āt daripada imam-imam qurrā’. Contohnya Bazzī perawi kepada Imam Ibn Kathīr dan Ḥafṣ perawi kepada Imam ‘Āṣim. Lihat: ‘Alī Muḥammad al-Ḍibā’. (1999). *al-Iḍā’ah fī Bayān ‘Usūl al-Qirā’āh*. Peny. Muḥammad Khalaf al-Husaynī. Kaherah: al-Maktabah al-Azhariyyah Li al-Turāth. H.5

(21) Ṭarīq bermaksud setiap bacaan qirā’āt yang dinisbahkan kepada murid daripada seseorang perawi. Contohnya qirā’āt ṭarīq Abū Ya’qūb Yūsūf bin ‘Umar al-Azraq yang mengambil riwayat daripada Warsh daripada Imam Nāfi’. Lihat: *Ibid*

(22) Al-Zarqānī, Muḥammad ‘Abd al-‘Azīm al-Zarqānī. (2003). *Manāhil al-‘Irfān fī ‘Ulūm Al-Qur’ān*. Kaherah: Dār al-Salām. H.323

(23) I’rāb bermaksud perubahan akhir kalimah kerana perbezaan beberapa ‘āmil (penyebab perbezaan akhir kata) yang memasukinya, baik secara lafaz ataupun secara perkiraan. Contoh perubahan secara lafaz جاء زيد yang bererti: Zayd telah datang dan رأيت زيدا yang bererti: Aku telah melihat Zaid. Manakala contoh secara perkiraan لن يخشى yang bererti: Dia merasa takut dan بخشى yang bererti: Dia tidak akan merasa takut. Lihat: Moch. Anwār. (2014). *Ilmu Nahwu Terjemah Matan al-Ajrūmiyyah dan ‘Imriṭī*. Cet. ke-33. Bandung: Sinar Baru Algensindo. H.11-12

(24) Hadhf bermaksud membuang atau mengurangkan sesuatu. Lihat: Ibn Manzūr. (2000). *Lisān al-‘Arab. Op.cit.* Jil.3. H. 65

(25) Ithbāt berasal daripada kata dasar thabata yang membawa maksud menetapkan atau mensabitkan. Lihat: *Ibid.* H. 6

(26) Faṣl bermaksud menceraikan atau memisahkan sesuatu dengan sesuatu. Lihat: al-Fayrūz Ābādī. (t.t). *Al-Qāmūs al-Muhīt. Op.cit.* H.1054

(27) Waṣl bermaksud menyambung sesuatu dengan sesuatu. Lihat: *Ibid.* H.1080

(28) Al-Qaṣṭalānī, Abū ‘Abbās Aḥmad bin Muḥammad bin Abū Bakr al-Qaṣṭalānī. (t.t). *Laṭā’if al-Ishārāt Li Funūn al-Qirā’āt*. Peny. Markaz al-Dirāsāt al-Qur’āniyyah. Al-Mamlakah al-‘Arabiyyah al-Sa’ūdiyyah: Wizārah al-Shu’ūn al-Islāmiyyah wa al-Awqāf wa al-Da’wah wa al-Irsyād. H.355

(29) Manna’ Qaṭṭān (1996). *Mabāḥiṭh Fī al-‘Ulūm al-Qur’ān. Op.cit.* H.171

(30) Al-Sayūṭī, Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Raḥmān bin Abū Bakr al-Sayūṭī (2003). *Al-Itqān Fī ‘Ulūm al-Qur’ān*. Beirut: Dār al-Fikr. H.50

Setelah meneliti kesemua definisi qirā'āt di atas, terdapat tiga perkara yang sering disebutkan dalam definisi yang dikemukakan. Iaitu pertama qirā'āt adalah satu ilmu yang membincangkan tentang kaedah melafazkan kalimah-kalimah al-Qur'ān. Ini termasuk perbezaan uṣūl al-qirā'āt³¹ dan farsh al-ḥurūf³². Kedua, madhhab pengucapan al-Qur'ān dipilih dan dinisbahkan ke atas salah seorang imam qurrā' yang berbeza dengan yang lain. Ketiga, kaedah melafazkan kalimah-kalimah al-Qur'ān diterima melalui kesepakatan jalur periwayatannya.

Hikmah Perbezaan Qirā'āt

'Ulamā' qirā'āt telah menggariskan beberapa hikmah yang terhasil dari kepelbagaian bacaan qirā'āt. Hikmah tersebut dapat dilihat dari pelbagai sudut dan impak. Sebagai contoh, impak kepelbagaian qirā'āt kepada umat Islam secara umumnya ialah memberi kemudahan bagi kaum yang ummīyy untuk membaca al-Qur'ān. Dengan turunnya qirā'āt yang variasi ini juga memudahkan para ḥuffāz mengḥafaz kalam Allāh kerana kalimah yang mempunyai banyak wajah akan lebih mudah dihafaz serta lebih senang difahami.³³ Qirā'āt yang beragam juga berperanan sebagai medium penyatupaduan masyarakat 'Arab ketika permulaan dakwah Rasulullāh ṣallallāhu 'alayhi wa sallam yang terkenal dengan hidup dalam suasana perkauman dan berpuak-puak.³⁴ Kepelbagaian qirā'āt dalam al-Qur'ān juga telah meletakkan umat Islam di kedudukan istimewa berbanding umat-umat yang terdahulu di mana kitab-kitab umat terdahulu hanya diturunkan dengan satu huruf sahaja.³⁵ Konsep talaqqi yang digunakan dalam penukilan al-Qur'ān juga menunjukkan kelebihan umat Islam berbanding umat dari agama yang lain.³⁶

Hikmah kepelbagaian qirā'āt juga dapat dilihat dari sudut peranannya membantu para mujtahid dalam pengistibantan hukum. Sebagaimana yang dikatakan oleh Ibn al-Jazarī bahawa penurunan al-Qur'ān dengan tujuh huruf adalah berperanan untuk menjelaskan sesuatu hukum seperti dalam permasalahan harta waris, atau untuk menghimpunkan antara dua hukum yang berbeza seperti dalam permasalahan haid, atau sebagai sumber dalil terhadap dua hukum sharī'ah seperti dalam permasalahan wuḍū', atau sebagai pentarjih bagi hukum yang diperselisihkan seperti dalam permasalahan kaffārah sumpah, atau sebagai penjelasan bagi perkara yang mungkin masih global atau samar dalam qirā'āt yang lain seperti dalam permasalahan suruhan ṣalāt Jum'ah.³⁷

Biografi Ibn Kathīr

Nama sebenar beliau ialah Abū Muḥammad 'Abd Allāh bin Kathīr. Beliau dilahirkan pada tahun 45H dan wafat pada tahun 120H di Mekah. Beliau merupakan salah seorang tābi'in.³⁸ Dalam kebanyakan kitab-kitab qirā'āt menyatakan bahawa Ibn Kathīr bertalaqqī dan

(³¹) Uṣūl di sini bermaksud uṣūl dalam bacaan qirā'āt iaitu kaedah-kaedah umum yang berlaku dalam semua surah al-Qur'ān seperti ṣilah mīm jama', ḥā ḍamīr dan idghām. Lihat: Sha'bān Muḥammad Ismā'il. (2011). *Al-Madkhal Ilā 'Ilm al-Qirā'āt*. Mekah: Dār al-Ṭayyibah al-Khaḍrā'. H.50

(³²) Farsh bermaksud perbezaan qirā'āt yang tidak berlaku di dalam semua surah al-Qur'ān. Lihat: *Ibid*.

(³³) Mannā' al-Qaṭṭān. (1996). *Mabāhiṭh Fī 'Ulūm al-Qur'ān*. *Op.cit*. H. 169

(³⁴) Sha'bān Muḥammad Ismā'il. (1999). *Al-Qirā'āt Aḥkāmuhā wa Maṣḍaruhā*. Mekah: Dār al-Ṭayyibah al-Khaḍrā'. H. 47

(³⁵) Muḥammad Aḥmad Mufliḥ al-Quḍāh. Aḥmad Khālid Shukrī. Muḥammad Khālid Mansūr. (2001). *Muqaddimāt Fī 'Ilm al-Qirā'āt*. Jordan: Dār 'Ammār. H. 31

(³⁶) *Ibid*

(³⁷) Ibn al-Jazarī, Abu al-Khayr Muḥammad bin Muḥammad al-Dimashqī. (t.t). *Al-Nashr Fī al-Qirā'āt al-'Ashr*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah. H.28

(³⁸) Abū 'Amrū al-Dānī, Abū 'Amrū 'Uthmān Sa'id al-Dānī. (t.t). *al-Taysīr Fī al-Qirā'āt al-Sab'a*. t.tp: t.np. H. 4

mempelajari ilmu qirā'at daripada 'Abd Allāh bin al-Sā'ib bin Abū al-Sā'ib al-Makhzūmī, Abū al-Ḥajjāj Mujāhid bin Jabir al-Makkī dan Darbās Mawlā Ibn 'Abbās. 'Abd Allāh bin al-Sā'ib bertalaqqī dan mempelajari qirā'at daripada gurunya Ubay bin Ka'ab dan 'Umar al-Khaṭṭāb. Sementara Mujāhid bin Jabir dan Darbās bertalaqqī dan mempelajari qirā'at daripada 'Abd Allāh bin 'Abbās. 'Abd Allāh bin 'Abbās pula bertalaqqī dan mempelajari qirā'at daripada gurunya Ubay bin Ka'ab dan Zayd bin Thābit. Manakala kedua-dua ṣaḥabat tersebut pula menekuni qirā'at daripada Nabī Muḥammad ṣallallāhu 'alayhi wa sallam.³⁹

Ibn Kathīr sangat dikenali sebagai seorang tokoh besar dalam bidang qirā'at. Beliau mempunyai bilangan anak murid yang sangat ramai, antara mereka ialah Ismā'īl bin 'Abd Allāh bin Qusṭantīn, Ismā'īl bin Muslim, Jarīr bin Ḥāzim, al-Ḥārith bin Qudāmah, Ḥammād bin Salmah, Ḥammād bin Zayd, Khālīd bin al-Qāsim, al-Khalīl bin Aḥmad, Sulaymān bin al-Mughīrah, Shibil bin 'Ibād, Abū 'Amrū bin al-'Alā, Ma'rūf bin Mishkān, Sufyān bin 'Uyainah, Aḥmad bin Muḥammad bin 'Abd Allāh bin Qāsim bin Nāfi' bin Abū Bazzah al-Makkī dan Muḥammad bin 'Abd al-Raḥmān bin Muḥammad bin Khālīd bin Sa'īd bin Jurjah. Beliau mempunyai dua orang perawi iaitu al-Bazzī dan Qunbul.⁴⁰

Antara faktor yang menyumbang kepada kemayhuran qirā'at Ibn Kathīr adalah kerana ia dipelajari dan diriwayatkan oleh sejumlah besar anak-anak murid beliau. Di antara mereka yang meriwayatkan qirā'at Ibn Kathīr tersebut adalah salah seorang pelopor madhhab fiqh yang tersohor iaitu Muḥammad bin Idrīs al-Shāfi'ī. Ibn al-Bādhish dalam al-Iqnā' Fi al-Qirā'at al-Sab'a juga meriwayatkan bahawa Imam al-Shāfi'ī pernah membaca al-Qur'ān kepada al-Qisṭ, kemudian al-Qisṭ pernah membaca al-Qur'ān kepada Shibil, kemudian Shibil pernah membaca al-Qur'ān kepada Ibn Kathīr, kemudian Ibn Kathīr pernah membaca al-Qur'ān kepada 'Abd Allāh bin al-Sā'ib bin Abū al-Sā'ib al-Makhzūmī ṣaḥabat Rasūlullāh ṣallallāhu 'alayhi wasallam.⁴¹

Biografi 'Āṣim

Nama sebenar beliau ialah Abū Bakr 'Āṣim bin Abī al-Najūd bin Bahdalah. Beliau wafat pada tahun 127H di Kufah. Menurut Abū 'Amrū al-Dānī, 'Āṣim merupakan salah seorang 'ulamā' qirā'at dari golongan tābi'īn.⁴² Ibn al-Jazarī menukil pandangan Abū Bakr bin 'Iyāsh mengenai 'Āṣim, beliau berkata: "Aku tidak pernah melihat orang yang membaca al-Qur'ān sebaik 'Āṣim".⁴³ Dalam kebanyakan kitab-kitab qirā'at menyatakan bahawa 'Āṣim bertalaqqī dan mempelajari qirā'at daripada Abū 'Abd Raḥmān 'Abd Allāh bin Ḥabīb al-Salamī, Abū Maryam Zur bin Ḥubaysh al-Asadī dan Abū 'Amrū Sa'ad bin Ilyās al-Shaybānī. Kesemua guru beliau tersebut bertalaqqī dan mempelajari ilmu qirā'at daripada 'Uthmān bin 'Affān, 'Alī bin Abī Ṭālib, 'Abd Allāh bin Mas'ūd, Ubay bin Ka'ab dan Zayd bin Thābit. Kelima-kelima ṣaḥabat ini menekuni ilmu qirā'at daripada Nabī Muḥammad ṣallallāhu 'alayhi wa sallam.⁴⁴

(³⁹) Muḥammad Sālim Muḥaysin. (1984). *al-Qirā'at wa Atharuhā Fī 'Ulūm al-'Arabiyyah*. Kaherah: Maktabat al-Kulliyāt al-Azhariyah. H. 57

(⁴⁰) Abū Zur'ah, 'Abd Raḥmān bin Muḥammad bin Zanjalah. (2001). *Hujjah al-Qirā'at*. Beirut: Mu'assasah al-Risālah. H. 53

(⁴¹) Ibn al-Bādhish, Abū Ja'far Aḥmad bin 'Alī bin Aḥmad bin Khalaf al-Anṣārī. (1403H). *Al-Iqnā' Fi al-Qirā'at al-Sab'a*. Damsyik. Dār al-Fikr. H. 91

(⁴²) Abū 'Amrū al-Dānī. (t.t). *al-Taysīr Fi al-Qirā'at al-Sab'a*. *Op.cit.* H. 6

(⁴³) Ibn al-Jazarī. (t.t). *Al-Nashr fī Qirā'at al-'Ashr*. *Op.cit.* H. 155

(⁴⁴) Muḥammad Sālim Muḥaysin. (1984). *Al-Qirā'at Wa Atharuhā Fī 'Ulūm al-'Arabiyyah*. *Op.cit.* H. 63-65

qirā'āt sepuluh ini menunjukkan bahawa qirā'āt Ibn Kathīr berbeza dengan qirā'āt 'Āṣim melalui perawinya Ḥafṣ yang membaca dengan dengan naṣb ن.

Tawjīh Qirā'āt

Qirā'āt jarr وأر جلكم menunjukkan hukum wajib menyapu kedua-dua kaki. Qurrā' yang membaca dengan qirā'āt jarr berhujjah bahawa kalimah وأر جلكم di'atafkan⁴⁹ kepada kalimah ن. Ini adalah disebabkan kalimah ن merupakan kalimah yang paling dekat dengan kalimah وأر جلكم. Sebagaimana yang berlaku dalam kebanyakan kalam 'Arab, apabila sesuatu kalimah dibaca dengan jarr, maka ia merujuk kepada 'āmil (pelaku) yang paling dekat bergandingan dengannya, maka 'āmil yang paling dekat dalam ayat ini ialah huruf bā'.⁵⁰ Dalam kitab Jāmi' al-Durus al-Lughah al-'Arabiyyah menjelaskan bahawa huruf bā' merupakan salah satu huruf dari huruf-huruf jarr, di mana ada ketikanya ia berperanan sebagai al-ta'kīd (menekankan) atau ziyādah (tambahan) dan ada ketikanya ia bermaksud al-tab'īd (sebahagian).⁵¹

Menurut qurrā' yang membaca dengan qirā'āt naṣb ن mereka menjadikan lafaz اغسلوا sebagai 'āmilnya. Atas sebab itu, mereka berpendapat bahawa yang diwajibkan untuk kedua kaki adalah membasuh, bukannya menyapu.⁵² Dalam satu pendapat yang lain, kalimah ن di'atafkan kepada kalimah پ dan پ. ⁵³ Dalam kaedah bahasa Arab, huruf wāw yang berada dipangkal kalimah پ dan ن dinamakan sebagai wāw al-'ataf. Menurut Muṣṭafā al-Ghulāyaynī, kalimah yang ma'tūf dan ma'tūf 'alayhi berkongsi kebersamaan dalam makna dan i'rāb (muṭlaq jama').⁵⁴

Hujjah Qirā'āt

Antara ḥadīth-ḥadīth yang mendasari qirā'āt jarr وأر جلكم ialah ḥadīth yang diriwayatkan daripada Ibn 'Abbās, beliau (Ibn 'Abbās) berkata: “wuḍū' itu mengandungi dua basuhan dan dua sapuan”⁵⁵ Ḥadīth yang diriwayatkan daripada Anas, sesungguhnya beliau (Anas) membaca dengan: ن وأر جلكم ن⁵⁶ Ḥadīth yang diriwayatkan daripada al-Sha'bī, dia berkata: “Malaikat Jibrīl turun dengan kalimah al-maṣḥ (menyapu), apakah engkau berpendapat bahawa Malaikat Jibrīl membiarkan apa yang seharusnya disapu dan apa yang seharusnya disapu dalam tayammum.”⁵⁷ Menurut al-Farrā', sesebuah isim adakalanya 'ataf kepada isim yang lain dengan makna yang berbeza.⁵⁸ Ibn al-Anbārī mengatakan bahawa apabila lafaz

(49) 'Āṭaf bermaksud huruf yang menyambung dua ayat dimana ia mengikuti lafaz sebelumnya. Lihat: Mukhlash. (2002). Cara Belajar Bahasa Arab Nahu. Cet.Ke-2. Kuala Lumpur: al-Hidayah. H.149

(50) Makkī. (1984). *Al-Kashf 'An Wujūh al-Qirā'āt al-Sab'a wa 'Ilāluhā wa Hujajuhā*. Op.cit. H. 407

(51) Muṣṭafā al-Gulāyaynī. (t.t). *Jāmi' al-Durus al-Lughah al-'Arabiyyah*. Beirut: al-Maktabah al-'Aṣriyyah. Jil.3. H.168

(52) Al-Qurtūbī. (2008). *Tafsir al-Qurtūbī*. Pent. Ahmad Khotib. Jakarta: Pustaka Azzam. Jil. 6. H. 222

(53) Abū Zur'ah. (2001). *Hujjah al-Qirā'āt*. Op.cit. H. 221

(54) Muṣṭafā al-Gulāyaynī. (t.t). *Jāmi' al-Durus al-Lughah al-'Arabiyyah*. Op.cit. H.245

(55) Ibn Jarīr al-Ṭabarī. (2001). *Jāmi' al-Bayān*. Beirut: Dār al-Fikr. Jil. 6. H. 159. No. Ḥadīth: 8972

(56) Al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī. (2003). *al-Durr al-Manthūr Fī al-Tafsīr Bi al-Ma'thūr*. Kaherah: Markaz Li al-Buhuth wa al-Dirāsāt al-'Arabiyyah. Jil. 5. H.205

(57) Ibn Jarīr al-Ṭabarī. (2001). *Jāmi' al-Bayān*. Op.cit. Jil. 6. H. 160. No. Ḥadīth: 8977

(58) Abū Zur'ah. (2001). *Hujjah al-Qirā'āt*. Op.cit. H. 223

وَأَرْجَلِكُمْ diakhirkan dari lafaz نِثْ, ia bermaksud وَأَرْجَلِكُمْ merupakan 'aṭaf kepada نِثْ kerana kedua-dua kalimah tersebut berdekatan dan bergandingan.⁵⁹

Manakala antara dalil dan hujjah yang mendasari qirā'āt naṣb نِثْ pula ialah ḥadīth yang diriwayatkan oleh Abū 'Abd al-Raḥmān 'Abd Allāh bin 'Umar, beliau berkata: "aku membaca (ayat ini) ketika itu aku, Ḥasan dan Ḥusayn berada dekat dengan 'Ali raḍiyallāhu 'anhu yang sedang sibuk dengan para sahabat yang lain, lalu kami membaca: نِثْ lalu seseorang lagi berkata: وَأَرْجَلِكُمْ dengan baris bawah, bacaan itu pun didengar oleh 'Ali raḍiyallāhu 'anhu, maka beliau berkata: "cara membacanya bukan seperti yang engkau baca." Lalu beliau membaca ayat tersebut seraya berkata: "Ini termasuk perkara al-Muqaddam (yang didahulukan) dan al-Mu'akhkhar (yang diakhirkan) dalam ucapan."⁶⁰ Diriwayatkan daripada Rasulullāh ṣallallāhu 'alayhi wa sallam bahawa Baginda ṣallallāhu 'alayhi wa sallam berwuḍū' dengan membasuh kaki. Ketika Baginda melihat seseorang yang sedang berwuḍū' dengan membasuh kakinya, lantas Baginda bersabda: "betul, seperti itulah aku perintahkan." Rasulullāh ṣallallāhu 'alayhi wa sallam pula bersabda: "Celakalah bagi tumit dan tapak kaki daripada neraka" (mengabaikannya tanpa membasuh ketika berwuḍū')".⁶¹

'Abd al-Mālik berkata ketika dia bertanya kepada 'Aṭā': "Apakah kamu pernah melihat dalam kalangan ṣahabat Rasulullāh ṣallallāhu 'alayhi wa sallam yang menyapu kakinya ketika berwuḍū'?" maka 'Aṭā' menjawab: "Demi Allāh, aku tidak pernah melihatnya."⁶² Al-Zujāj mengatakan bahawa firman Allāh subḥānahū wa ta'ālā نِثْ merupakan dalil bagi hukum wajib membasuh kaki kerana adanya batasan iaitu hingga ke buku lali sebagaimana adanya batasan membasuh tangan iaitu hingga ke siku dalam firman Allāh subḥānahū wata'ālā نِثْ. Perkara ini berbeza dengan menyapu kepala kerana tidak ada keterangan tentang batasan menyapu kepala dalam firman Allāh subḥānahū wa ta'ālā نِثْ.⁶³ Ibn Khālawīh turut menjelaskan bahawa wāw al-'aṭaf yang berada di awal perkataan نِثْ dan نِثْ dinamakan 'aṭaf maḥdūdān 'alā maḥdūd.⁶⁴ Makkī berkata: "Qirā'āt yang membaca dengan naṣb نِثْ adalah lebih awlā (utama) baginya kerana membasuh kedua-dua belah kaki telah thābit di sisi sunnah dan ijma' ulamā'."⁶⁵

Implikasi Kepelbagaian Qirā'āt Terhadap Ayat Wuḍū'

Para sarjana fiqh berbeza pendapat dalam menetapkan kayfiyāt wuḍū' bagi anggota kaki. Ada pendapat yang mengatakan bahawa kedua-dua kaki wajib dibasuh ketika berwuḍū' dan ada pula yang mengatakan kedua-duanya hanya wajib disapu. Perbezaan ini berlaku disebabkan kalimah نِثْ mempunyai dua bentuk qirā'āt yang masing-masing memiliki tawjīh yang berbeza. Butirannya seperti berikut:

⁽⁵⁹⁾ Al-Ṣābūnī, Muḥammad 'Alī Al-Ṣābūnī. (1980). Rawā'i' al-Bayān Tafsīr Āyāt al-Aḥkām. Beirut: Maktabah al-Ghazālī. H. 534

⁽⁶⁰⁾ Al-Bukhārī. (2003). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Kitāb al-Wuḍū'. Bāb Gasl al-Rijlaynī wa La Yamsah 'Alā al-Qadamaynī. *Op.cit.* H. 38. No. Ḥadīth: 163

⁽⁶¹⁾ Al-Bukhārī. (2003). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Kitāb al-Wuḍū'. Bāb Gasl al-A'qāb. *Op.cit.* H. 39. No. Ḥadīth: 165

⁽⁶²⁾ Abū Zur'ah. (2001). *Hujjah al-Qirā'āt*. *Op.cit.* H. 221

⁽⁶³⁾ *Ibid*

⁽⁶⁴⁾ Ibn Khālawīh. (1979). *Al-Hujjah Fi al-Qirā'āt al-Sab'a*. Peny. 'Abd al-'Āl Sālim Mukram. Kaherah: Dār al-Shurūq. Cet. Ke-3. H. 129

⁽⁶⁵⁾ Makkī bin Abū Ṭālib al-Qaysī. (1984). *Al-Kashf 'An Wujūh al-Qirā'āt al-Sab'a wa 'Ilāluhā wa Hujajuhā*. Beirut: Mu'assasah al-Risālah. H. 407

Pendapat jumhūr ‘ulamā’

‘Abd al-Rahmān al-Juzayrī dalam kitabnya al-Fiqh ‘Alā Madhāhib al-Arba‘ah menjelaskan bahawa keempat-empat imam madhhab bersepakat mengatakan bahawa anggota wuḍū’ yang diwajibkan adalah membasuh muka, membasuh kedua-dua tangan hingga ke siku, menyapu keseluruhan atau sebahagian kepala dan membasuh kedua-dua kaki hingga ke buku lali. Pendapat jumhūr ini didasari oleh sejumlah ḥadīth yang banyak antaranya ḥadīth daripada ‘Abd Allāh bin ‘Umar raḍiyallāhu ‘anhu, beliau berkata: “Dalam sebuah perjalanan, Rasulullah ṣallallāhu ‘alayhi wa sallam berada di belakang kami, lalu Baginda menyusul kami dan kami hendak melaksanakan ṣalāt ‘Aṣar, lalu kami pun mengambil wuḍū’ dan menyapu kaki, maka Baginda ṣallallāhu ‘alayhi wa sallam memanggil dengan suara lantang: “celakalah dan masuk neraka, bagi tumit kaki yang tidak dibasuh”. Baginda mengucapkannya dua atau tiga kali.⁶⁶ Menurut Ibn Hajar al-‘Asqalānī, ḥadīth ini menjelaskan akan peri pentingnya membasuh kedua-dua kaki ketika berwuḍū’ kerana Rasulullah ṣallallāhu ‘alayhi wa sallam telah menjelaskan akibat buruk yang bakal diterima bagi sesiapa yang tidak membasuh kedua-duanya dengan sempurna.⁶⁷

Senada dengan makna ḥadīth ‘Abd Allāh bin ‘Umar di atas ialah ḥadīth yang diriwayatkan oleh Abū Hurayrah raḍiyallāhu ‘anhu: ‘.....Rasulullāh ṣallallāhu ‘alayhi wa sallam berkata: “celakalah dan masuk neraka, bagi tumit kaki yang tidak dibasuh”.⁶⁸ Sa‘īd bin Manṣūr juga meriwayatkan daripada ‘Alī bin Abī Ṭālib, sesungguhnya beliau (‘Alī) membaca dengan: ن ت iaitu memfathahkan huruf lām. Beliau berkata: “ ن ت ‘aṭaf kepada perbuatan ۞ yang bermaksud maka basuhlah”⁶⁹ Secara ‘aqlī, kaki dan tangan adalah bahagian tubuh yang mempunyai batas, maka hukum membasuh kaki disamakan dengan hukum membasuh tangan.⁷⁰

Kewajiban membasuh kaki yang dinyatakan selepas menyapu kepala dalam ayat wuḍū’ di atas menunjukkan kewajiban tertib. Menurut Wahbah al-Zuhaylī, ‘ulamā’ Ḥanafiyah dan Mālikiyah berpendapat bahawa tertib sebagai sunnah mu‘akkadah sementara ‘ulamā’ Shāfi‘iyyah dan Ḥanābilah memandangnya sebagai fard.⁷¹ Jika dilihat dari sudut logik, tangan dan kaki merupakan anggota tubuh yang sering dan mudah terkena kotor, di samping ia menjadi tempat berkumpul kuman serta bakteria. Oleh itu, demi menjaga kebersihan tangan dan kaki maka perbuatan membasuh dan membersihkan kedua-dua tangan dan kaki dengan air termasuk perkara yang diperintahkan dan sangat digalakan.

Pendapat al-Shī‘ah al-Imāmiyah

‘Ulamā’ Shī‘ah berpendapat bahawa yang diwajibkan ialah menyapu kedua belah kaki. Pendapat ini berdasarkan firman Allāh subḥānahu wata‘ālā: ن ت ن ت ۞ yang bermaksud “sapulah sebahagian daripada kepala kamu dan sapulah kedua belah kaki kamu hingga ke buku lali”, iaitu dengan qirā’āt jarr menurut salah satu qirā’āt sab‘ah. ‘Ulamā’ Shī‘ah berḥujjah

(⁶⁶) Al-Bukhārī. (2003). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Kitāb al-Wuḍū’. Bāb Gasl al-Rijlaynī wa La Yamsah ‘Alā al-Qadamaynī. *Op.cit.* H. 38. No. Ḥadīth: 163

(⁶⁷) Ibn Hajar, Aḥmad bin ‘Alī bin Hajar al-‘Asqalānī. (2000). *Fath al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah. H. 353

(⁶⁸) Muslim. (2002). *Ṣaḥīḥ Muslim*. Kitāb al-Ṭahārah. Bab Wujūb Gasl al-Rijlain Bi Kamālihā. *Op.cit.* H.124. No.Ḥadīth: 241

(⁶⁹) Al-Suyutī. (2003). *al-Durr al-Manthūr Fī al-Tafsīr Bi al-Ma‘thūr*. *Op.cit.* Jil. 5. H.205

(⁷⁰) Al-Nawawī, Abū Zakariyyā Muḥy al-Dīn bin Sharaf bin Nawawī. (2009). *Al-Majmū‘ Sharḥ al-Muhadhdhab*. Pent. Abdurrahim Ahmad. Umar Mujtahid. Jakarta: Pustaka Azzam. H.783-784

(⁷¹) Al-Zuhaylī, Wahbah al-Zuhaylī. (2004). *Al-Fiqh al-Islāmī Wa Adillatuh*. Syria: Dār al-Fikr. H.384

bahawa kalimah **وَأَرْجِلِكُمْ** adalah ‘aṭaf kepada **ن** dan mereka mengatakan bahawa anggota wuḍū’ ada dua kategori iaitu dua anggota yang dibasuh dan dua anggota yang disapu.⁷² Antara dalil yang mereka berikan adalah seperti berikut:

Diriwayatkan daripada Anas raḍiyallāhu ‘anhu bahawa dia mendengar Ḥajjāj berkhuṭbah: “Allāh subḥānahu wata‘ālā memerintahkan membasuh wajah, kedua belah tangan dan kedua belah kaki.” Anas berkata: “Allāh benar sementara Ḥajjāj berdusta, firman Allāh subḥānahu wata‘ālā **ن ن** **پ ن** bermaksud “sapuluh sebahagian daripada kepala kamu dan sepuluh kedua-dua belah kaki kamu” Anas membacanya dengan jarr (baris bawah).⁷³ ‘Ulamā’ al-Shāfi‘iyyah menjelaskan bahawa punca Anas raḍiyallāhu ‘anhu mengingkari Ḥajjāj kerana beliau yakin bahawa kewajiban membasuh hanya diketahui melalui penjelasan sunnah.⁷⁴

Ibn ‘Āshūr ketika mengulas ḥadīth yang diriwayatkan oleh Anas raḍiyallāhu ‘anhu yang mengatakan bahawa al-Qur’ān diturunkan dengan “المسح” namun sunnah menjelaskan dengan “الغسل”, menunjukkan dalil menyapu kaki berdasarkan qirā’at jarr telah dimasukhkan oleh sunnah.⁷⁵ Diriwayatkan daripada Rifā‘ah bin Rāfi‘ dalam ḥadīth tentang orang yang tidak ṣalāt dengan baik, Nabī Muḥammad ṣallallāhu ‘alayhi wasallam bersabda kepadanya: “Sesungguhnya tidaklah sempurna ṣalāt salah seorang di antara kamu sehingga dia menyempurnakan wuḍū’nya seperti yang diperintahkan oleh Allāh, lalu Baginda membasuh wajah, kedua belah tangan, menyapu kepala dan kedua belah kaki.⁷⁶ Diriwayatkan daripada Ibn ‘Abbās raḍiyallāhu ‘anhu, beliau berkata: “Wuḍū’ itu mengandungi dua basuhan dan dua sapan.⁷⁷

Pendapat Ibn Jarīr al-Ṭabarī, al-Jabbā’ī dan al-Ḥasan al-Baṣrī

Ibn Jarīr al-Ṭabarī, al-Jabbā’ī dan al-Ḥasan al-Baṣrī berpendapat bahawa mukallaf boleh memilih sama ada membasuh atau menyapu.⁷⁸ Pendapat ini berhujjah dengan mengatakan bahawa qirā’at naṣb dan jarr tersebut merupakan ayat dari ayat-ayat al-Qur’ān, maka tidak boleh digabungkan makna kedua-duanya. Tidak ada seorang pun dari ‘ulamā’ salaf yang berpendapat demikian. Oleh sebab itu, seorang mukallaf dibolehkan memilih dan mengamalkan salah satu darinya.⁷⁹

Pendapat Sebahagian Ahli Zāhir

Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī berkata: “Sebahagian Ahli Zāhir pula mewajibkan membasuh dan menyapu secara bersamaan.⁸⁰ Pendapat ini berhujjah bahawa apabila dua qirā’at berada dalam satu ayat maka kedudukannya sama dengan dua ayat. Oleh sebab itu, wajib mengamalkan

(⁷²) Al-Suyūṭī. (2003). *al-Durr al-Manthūr Fī al-Taḥṣīn Bi al-Ma’tḥūr*. Op.cit. Jil. 5. H.418

(⁷³) Ibn Jarīr al-Ṭabarī. (2001). *Jāmi‘ al-Bayān*. Op.cit. Jil.6. H. 159. No. Ḥadīth: 8974

(⁷⁴) Al-Nawawī. (t.t). *Al-Majmū‘ Sharḥ al-Muḥadhdhab*. Op.cit. H.418

(⁷⁵) Ibn ‘Āshūr, Muḥammad al-Ṭāhir bin ‘Āshūr. (t.t). *Taḥṣīn al-Taḥrīr Wa al-Tanwīr*. Tunisia: Dār Saḥnūn. J. 6. H. 130

(⁷⁶) Ibn Mājah. Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Yazīd al-Qazwainī. (2001). *Sunan Ibn Mājah*. Kitāb al-Ṭahārah Dan Sunah-Sunnahnya. Bāb Mā Jā’ Fī al-Wuḍū’ ‘Alā Mā Amar Allāh Ta‘ālā. Beirut: Dār Ibn Ḥazm. H. 70. No. Ḥadīth: 460; Abū Dāwūd. Abū Dāwūd bin Sulaymān bin al-‘Ash’ath. (1998). *Sunan Abū Dāwūd*. Kitāb al-Ṣalāt. Bāb Ṣalāt Man Lā Yuqīm Ṣulbahu Fī al-Rukū‘ Wa al-Sujūd. Beirut: Dār Ibn Ḥazm. H.138. No.Ḥadīth: 858

(⁷⁷) Ibn Jarīr al-Ṭabarī. (2001). *Jāmi‘ al-Bayān*. Op.cit. Jil. 6. H. 159. No. Ḥadīth: 8972

(⁷⁸) Al-Nawawī. (t.t). *Al-Majmū‘ Sharḥ al-Muḥadhdhab*. Op.cit. H.418

(⁷⁹) Al-Kāsānī, Abū Bakr bin Mas‘ūd. (1986). *Badāi‘ al-Ṣanāi‘ Fī Tartīb al-Sharāi‘*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah. H.6

(⁸⁰) Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī. (2000). *Fath al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Op.cit. H. 268

sebelum ini juga, terlalu banyak ḥādīth-ḥādīth ṣaḥīḥ yang membicarakan tentang tatacara wuḍū' Rasūllullāh ṣallallāhu 'alayhi wa sallam yang menunjukkan Baginda membasuh kedua-dua kaki. Melalui dapatan kajian ini juga, didapati Imam al-Shāfi'ī telah infirād daripada qirā'āt Ibn Kathīr pada lafaz **ن** tersebut. Sebagaimana yang disebutkan oleh al-Rāzī dalam Manāqib al-Imām al-Shāfi'ī bahawa lafaz **ن** merupakan di antara sepuluh lafaz yang diriwayatkan daripada Imam al-Shāfi'ī dan disandarkan kepadanya yang mengandungi nilai-nilai yang baik dan berfaedah.⁸⁵ Dapatan ini juga sekaligus menjelaskan betapa ilmu qirā'āt itu mempunyai peranan yang besar dalam membantu para mujtahid menjelaskan sesuatu hukum.

Rujukan

- 'Abd al-Fattāḥ al-Qāḍī. (2002). *Tarīkh al-Qurrā' al-'Asharah*. Kaherah: Maktabah al-Azhariyyah Li al-Turāth
- 'Abd al-Raḥman al-Sharqawī. (2000). *Riwayat Sembilan Imam Fiqih*. Pent. H.M.H al-Hamid al-Husaini. Indonesia: Pustaka Hidayah. H. 238
- Abū al-Ḥasan Aḥmad bin Fāris bin Zakariyā. (1994). *Mu'jam Maqāyīs al-Lughah*. Beirut: Dār al-Fikr
- Abū 'Amrū al-Dānī, Abū 'Amrū 'Uthmān Sa'īd al-Dānī. (t.t). *al-Taysīr Fi al-Qirā'āt al-Sab'a*. t.tp: t.np
- Abū Bakr al-Rāzī. (1997). *Īdāḥ Mukhtār al-Ṣaḥāḥ*. Damsyik: Dār al-Bashā'ir
- Abū Shāmāh, 'Abd Raḥman bin Ismā'īl bin Ibrāhīm. (t.t). *Ibrāz al-Ma'ānī Min Ḥirz al-Amānī*. t.t.p: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah
- Abū Zur'ah, 'Abd al-Raḥman bin Muḥammad bin Zanjalah. (2001). *Ḥujjah al-Qirā'āt*. Beirut: Mu'assasah al-Risālah
- Al-Dhahabī, Sham al-Dīn Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad bin 'Uthmān al-Dhahabī. (1995). *Ma'rifah al-Qurrā' al-Kibār 'Alā al-Ṭabaqāt Wa al-A'sār*. Peny. Dr.Ṭayyar Ālatī Qūlāj. Istanbul: Markaz al-Buhūth al-Islāmiyyah
- Al-Fayrūz Ābādī, Majduddīn Muḥammad bin Ya'qūb al-Fayrūz Ābādī. (t.t). *Al-Qāmūs al-Muḥīṭ*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah
- Al-Hudhalī, Abu al-Qāsim Yūsuf bin 'Alī bin Jabbārah bin 'Uqayl al-Hudhalī. (2007). *al-Kāmil Fi al-Qirā'āt wa al-Arba'īn al-Zā'idah 'Alayhā*. t.tp: t.np
- 'Alī Muḥammad al-Ḍibā'. (1999). *al-Idā'ah fī Bayān 'Usūl al-Qirā'āh*. Peny. Muḥammad Khalaf al-Ḥusaynī. Kaherah: al-Maktabah al-Azhariyyah Li al-Turāth.
- Al-Juzayrī, 'Abd Raḥmān al-Juzayrī. (2003). *al-Fiqh 'Alā Madhāhib al-Arba'ah*. Beirut: al-Maktabah al-'Aṣriyyah
- Al-Kāsānī, Abū Bakr bin Mas'ūd. (1986). *Badāi' al-Ṣanāi' Fi Tartīb al-Sharāi'*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah
- Al-Nawawī, Abū Zakariyyā Muḥy al-Dīn bin Sharaf bin Nawawī. (2009). *Al-Majmū' Sharḥ al-Muḥadhdhab*. Pent. Abdurrahim Ahmad. Umar Mujtahid. Jakarta: Pustaka Azzam
- Al-Qaṣṭalānī, Abū 'Abbās Aḥmad bin Muḥammad bin Abū Bakr al-Qaṣṭalānī. (t.t). *Laṭā'if al-Ishārāt Li Funūn al-Qirā'āt*. Peny. Markaz al-Dirāsāt al-Qur'āniyyah. Al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'ūdiyyah: Wizārah al-Shu'ūn al-Islāmiyyah wa al-Awqāf wa al-Da'wah wa al-Irsyād.
- Al-Qurtūbī. (2008). *Tafsir al-Qurṭūbī*. Pent. Ahmad Khotib. Jakarta: Pustaka Azzam
- Al-Rāzī, Fakhr al-Dīn al-Rāzī. (2015). *Manāqib al-Imām al-Shāfi'ī*. Pent. Andi Muhammad Syahril. Jakarta: Pustaka al-Kautsar

(⁸⁵) *Ibid*

- Al-Şābūnī, Muḥammad ‘Alī Al-Şābūnī. (1980). *Rawā’i’ al-Bayān Tafsīr Āyāt al-Aḥkām*. Beirut: Maktabah al-Ghazālī
- Al-Sayūṭī, Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Raḥmān bin Abū Bakr al-Sayūṭī (2003). *Al-Itqān Fī ‘Ulūm al-Qur’ān*. Beirut: Dār al-Fikr
- Al-Shāfi‘ī, Muḥammad bin Idrīs al-Shāfi‘ī. (2005). *Al-Umm*. Al-Manşūrah: Dār al-Wafā’
- Al-Shāfi‘ī, Muḥammad bin Idrīs. (2006). *Tafsīr Imam al-Shāfi‘ī*. Peny. Aḥmad Muşţafā al-Farrān. Riyadh: Dār al-Tadmuriyah.
- Al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī. (2003). *al-Durr al-Manthūr Fī al-Tafsīr Bi al-Ma’tḥūr*. Kaherah: Markaz Li al-Buhuth wa al-Dirāsāt al-‘Arabiyyah
- Al-Zarkashī, Badruddīn Muḥammad bin ‘Abdillāh al-Zarkashī. (2001). *Al-Burhān Fī ‘Ulūm al-Qur’ān*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah
- Al-Zarqānī, Muḥammad ‘Abd al-‘Azīm al-Zarqānī. (2003). *Manāhil al-‘Irfān fī ‘Ulūm Al-Qur’ān*. Kaherah: Dār al-Salām
- Al-Zuḥaylī, Wahbah al-Zuḥaylī. (2004). *Al-Fiqh al-Islāmī Wa Adillatuh*. Syria: Dār al-Fikr
- Ibn al-Bādhish, Abū Ja‘far Aḥmad bin ‘Alī bin Aḥmad bin Khalaf al-Anşārī. (1403H). *Al-Iqnā’ Fī al-Qirā’āt al-Sab‘a*. Damsyik. Dār al-Fikr
- Ibn al-Jazarī, Abu al-Khayr Muḥammad bin Muḥammad al-Dimashqī. (t.t). *Al-Nashr Fī al-Qirā’āt al-‘Ashr*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah
- Ibn al-Jazarī, Abu al-Khayr Muḥammad bin Muḥammad al-Dimashqī. (t.t). *Al-Nashr Fī al-Qirā’āt al-‘Ashr*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah
- Ibn al-Jazarī, Abū al-Khayr Sham al-Dīn Muḥammad bin Muḥammad bin Muḥammad bin ‘Alī bin Yūsūf al-Jazarī. (1980). *Munjid al-Muqri’in wa Murshid al-Ṭālibīn*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah
- Ibn ‘Āshūr, Muḥammad al-Ṭāhir bin ‘Āshūr. (t.t). *Tafsīr al-Taḥrīr Wa al-Tanwīr*. Tunisia: Dār Saḥnūn
- Ibn Ḥajar, Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajar al-‘Asqalānī. (2000). *Fath al-Bārī Sharḥ Şaḥīḥ al-Bukhārī*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah
- Ibn Jarīr al-Ṭabarī. (2001). *Jāmi‘ al-Bayān*. Beirut: Dār al-Fikr
- Ibn Khālawīh. (1979). *Al-Hujjah Fī al-Qirā’āt al-Sab‘a*. Peny. ‘Abd al-‘Āl Sālim Mukram. Kaherah: Dār al-Shurūq
- Ibn Mājah. Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Yazīd al-Qazwainī. (2001). *Sunan Ibn Mājah*. Kitāb al-Ṭahārah Dan Sunah-Sunnahnya. Bāb Mā Jā’ Fī al-Wuḍū’ ‘Alā Mā Amar Allāh Ta‘ālā. Beirut: Dār Ibn Ḥazm. H. 70. No. Ḥadīth: 460; Abū Dāwud. Abū Dāwud bin Sulaymān bin al-‘Ash‘ath. (1998). *Sunan Abū Dāwud*. Kitāb al-Şalāt. Bāb Şalāt Man Lā Yuqīm Şulbahu Fī al-Rukū‘ Wa al-Sujūd. Beirut: Dār Ibn Ḥazm
- Ibn Manẓūr, Abū al-Faḍl Jamāl al-Dīn Muḥammad bin Mukram bin Manẓūr. (2000). *Lisān al-‘Arab*. Beirut: Dār Şādir
- Ibrāhīm Anīs dan ‘Abd al-Ḥalīm Muntaşar. (t.t). *Al-Mu‘jam al-Wasīṭ*. Cet. Ke-2. t.tp: t.np
- Makkī bin Abū Ṭālib al-Qaysī. (1984). *Al-Kashf ‘An Wujūh al-Qirā’āt al-Sab‘a wa ‘Ilāluhā wa Hujajuhā*. Beirut: Mu’assasah al-Risālah
- Manna‘ Qaṭṭān (1996). *Mabāḥiṭh Fī al-‘Ulūm al-Qur’ān*. Riyadh: Maktabat al-Ma‘ārif
- Moch. Anwār. (2014). *Ilmu Nahwu Terjemah Matan al-Ajrumiyyah dan ‘Imriṭī*. Cet. ke-33. Bandung: Sinar Baru Algensindo
- Muḥammad Aḥmad Mufliḥ al-Quḍāh. Aḥmad Khālīd Shukrī. Muḥammad Khālīd Manşūr. (2001). *Muqaddimāt Fī ‘Ilm al-Qirā’āt*. Jordan: Dār ‘Ammār
- Muḥammad bin ‘Umar bin Salīm Bazamūl. (1996). *Al-Qirā’āt Wa Atharuhā Fī al-Tafsīr Wa al-Aḥkām*. Arab Saudi: Dār al-Hijrah.
- Muḥammad Sālim Muḥaysin. (1984). *al-Qirā’āt wa Atharuhā Fī ‘Ulūm al-‘Arabiyyah*. Kaherah: Maktabat al-Kulliyyāt al-Azhariyah

- Muḥib al-din ‘Abd al-Sajjān. (1986). *Manhāj al-Imām al-Shāfi‘ī Fi Tafsīr Ayat al-Aḥkām*. Mekah: Penerbit Universiti Umm al-Qurrā’.
- Mukhlas. (2002). *Cara Belajar Bahasa Arab Nahu*. Cet.Ke-2. Kuala Lumpur: al-Hidayah
- Muṣṭafā al-Gulāyaynī. (t.t). *Jāmi‘ al-Durus al-Lughah al-‘Arabiyyah*. Beirut: al-Maktabah al-‘Aṣriyyah
- Nabīl bin Muḥammad bin Ibrāhīm. (2000). ‘*Ilm al-Qirā’āt Nash’atuhu Aṭwāruhu Atharuhu Fi al-‘Ulūm al-Shar‘iyyah*. Riyadh: Maktabah al-Tawbah
- Pusat Da‘wah Islamiah. (2014). *Mushaf Brunei Darussalam Dan Terjemahannya*. Brunei: Jabatan Percetakan Kerajaan
- Sha‘bān Muḥammad Ismā‘īl. (1999). *Al-Qirā’āt Aḥkāmuhā wa Maṣdaruhā*. Mekah: Dār al-Ṭayyibah al-Khaḍrā’
- Sha‘bān Muḥammad Ismā‘īl. (2011). *Al-Madkhal Ilā ‘Ilm al-Qirā’āt*. Mekah: Dār al-Ṭayyibah al-Khaḍrā’